.... Yang Pembaca Fikir.

Setakat Manakah Dunia Dibawa oleh Rekaan-rekaan Moden?

"Apabila Kami menghendaki membinasakan sesuatu negeri, lebih dahulu Kami perbanyakkan orang-orang di sana yang mewah (yakni orang-orang yang menurutkan hawa nafsu), lalu mereka fasik, sebab itu patutlah mereka ditimpa seksa, lalu Kami robohkan negeri mereka seroboh-robohnya" (*al-Qur'an,* surah 17:16*)*.

"Beberapa banyak penduduk negeri yang telah Kami binasakan, kerana mereka kafir, dan Kami jadikan kemudiannya suatu kaum yang lain" (*al-Qur'an,* surah 21:11*)*.

"Beberapa banyak penduduk negeri yang telah Kami binasakan, kerana mereka aniaya, lalu jatuh atap pertuduhannya (roboh negerinya), dan berapa telaga yang ditinggalkan oleh yang empunyanya dan mahligai yang tinggi yang telah kosong penghuninya" (*al-Qur'an,* surah 45:22).

(oleh: S. Othman Kelantan)

Demikian tiga keterangan yang telah diperkatakan oleh ayat-ayat Tuhan bagaimana kebanyakan negara-negara yang telah silam, telah dirobohkan-Nya. Biarlah, mari kita tinggalkan sementara tentang keterangan ini. Kita kembali memperkatakan tentang: Ke mana dan setakat mana dunia ini akan dibawa oleh rekaan-rekaan moden? Inilah yang amat banyak dan sering diperkatakan oleh ahli-ahli fikir Islam dalam kurun kedua puluh, atau dalam zaman moden sains ini, malah oleh ahli-ahli fikir bangsa Barat juga. Bila kita telah masuk ke dalam zaman moden sains, dengan mahu atau tidak mahu, kita telah masuk di dalam pergolakan manusia yang telah hampir atau telah sampai ke kemuncak taraf tamadun. Kalau dalam taraf tamadun ini, kebanyakan bangsa-bangsa besar telah berlumba-lumba mencipta beberapa rekaan untuk menyatakan bahawa merekalah yang sebenarnya bangsa yang besar, sedangkan rekaan-rekaan moden itu banyak memberi "malapetaka" daripada "manfaat', maka apakah kedudukan kita sebagai satu bangsa yang kecil, yang setiap masa inginkan perdamaian dan keamanan yang sebenar-benarnya? Di mana kita akan menyembunyikan diri dari segala hasil rekaan yang makin maju dalam zaman kita ini?

Dan sekali lagi saya bertanya: Ke mana kita?

Biarlah jawapan itu pergi bersama dengan kesedaran yang sekian lama diperbincangkan oleh kuasa-kuasa besar. Tapi dengan tidak melupakan sebagai kita suatu bangsa mempunyai satu pendirian yang teguh. Pendirian yang dibina di atas sendi-sendi dasar Islam. Sebagai satu bangsa yang menganut agama Islam, sebagai satu bangsa yang merdeka, tidaklah akan membiarkan hal itu berlaku dengan tidak suatu pun pendapat dan pencegahan dari

kita. Sebab, umat Islam, semenjak zaman berzaman, bukanlah suatu umat yang membeku, tetapi suatu umat yang progresif, radikal dalam sepanjang zaman. Umat Islam yang telah bangun lebih enam ratus tahun sebelum umat Barat bangun, umat Islam yang telah membina suatu sendi dasar pemerintahan yang sekian lama di tanah Barat. (Ingat: Islam telah bertapak, memerintah di Sepanyol selama 805 tahun), umat Islam yang selamanya telah diakui oleh failasuf-failasuf Barat yang radikal, sebagai suatu umat yang memberi sebesar-besar bantuan kepada tamadun Barat, baik dalam cara berfikir mahupun dalam ilmu pengetahuan moden yang ada sekarang.

Sebagai suatu umat yang sekian banyak dan sekian lama mempunyai taraf fikiran yang masak, lebih dahulu daripada Barat, maka tidaklah wajar malah tidak logik kalau dalam masalah keamanan dan mengutuk keganasan itu tidak kita turut serta. Sebagai suatu umat yang menjadi guru kepada Barat, kita mempunyai dasar perjuangan yang sesuai dengan aliran zaman. Iaitu dengan mengikut lunas-lunas yang benar, yang sahih, yang dapat hidup dalam segala zaman, dari keterangan kitab suci "*al-Qur'an al-Karīm",* yang pada setengah-setengah golongan dari umat Islam sendiri masih belum hendak menjadikan dia undang-undang dasar sebuah negara yang terkumpul dalam kalimah "*baldatun ṭayyibatun wa Rabbun ghafūr*". Inilah dasar perjuangan kita. Dan inilah sebenar-benarnya cita-cita Islam!

Kita berada dalam zaman taraf tamadun yang memuncak, ini tidak boleh kita elakkan. Kita tidak mahu jadi kaku dalam menghadapi zaman yang moden ini.

Kalau dunia hebat dalam serba kekacauan dalam setiap saat dan blok Barat dengan Rusia sentiasa bertentangan maka Islam keluar sebagai orang tengah dan contoh yang paling baik.

Ahli sejarah Inggeris, Arnold Toynbee, pernah mengatakan dalam sebuah bukunya sebagai berikut:

"Dalam suasana dunia kita (Barat) menempuh zaman membangun, kita (Barat) telah menjadi suatu bangsa yang paling terkemuka. Tetapi kita pun menjadi suatu bangsa yang paling biadab. Kalau dalam sifat membangun, kita banyak memberi pertolongan kepada sebahagian besar dunia, tidaklah kita lupa bahawa isi dari sifat membangun kita itu tersembunyi sebahagian yang paling besar dari cita-cita Timur. Dan tidaklah dimungkiri Timur menjadi sebab yang pertama bagaimana Barat telah menemui zaman kebangkitan ilmu pengetahuan.

BUKU2 RUMI

Penerbitan Qalam Yang Terbaru

Kesan Kesusasteraan Tua Di Tanah Ayer	
Oleh: Abdullah B. Hj Musa (Lubis)	$2.00
Cherita-cherita Sejarah 1	
Oleh: Edrus	$1.00
Balek Dari Medan Perjuangan	
Oleh: Ahmad Lutfi	$1.00
Sisa Neraka Dunia	
Oleh: Ahmad Lutfi	$1.00
Bangkai Bernyawa	
Oleh: Ahmad Lutfi	$1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer	
Oleh: Abd. Ghani bin Abbas	$1.50
Sejarah Perak Dahulu Dan Sekarang	
Oleh: Abdullah Hj. Musa (Lubis)	$2.00
Surat Menyurat (chitakan kedua)	
Oleh: Edrus	$2.00

"Bila kita selidiki dengan dalam, akan sendi pembangunan dunia ini maka kita dapati ada tiga kebudayaan atau tiga tamadun, tiga peradaban yang besar dalam dunia. Peradaban pertama ialah Tiongkok. Kedua peradaban Barat. Dan ketiga peradaban Islam. Peradaban Tiongkok tidaklah boleh menjamin keamanan dunia dengan menyeluruh sebab dalam negaranya pun tidak terdapat persatuan yang bulat. Peradaban Barat adalah peradaban yang paling tinggi! Tetapi ketinggian yang tersasul itu, telah mencetuskan dua kali perang dunia, yang dalam pengertian umumnya membawa dunia seluruhnya ke dalam api neraka. Hanya peradaban Islam yang kita tunggu-tunggu untuk membawa dunia ini kepada keamanan yang sungguh-sungguh sebab, jalan dan sistem yang dibawa oleh cita-cita Islam itu, mempunyai satu pembuluh yang bulat. Dari perjalanannya yang tenang dan tidak terburu-buru itu, menerbitkan kebaikan memerintah seluruh umat manusia ke dalam satu cara pemerintahan yang teratur dan baik". Demikian kata Toynbee.

Dalam satu keterangan yang baik untuk kita ketahui, Hermann Keyserling, pernah mengatakan terhadap orang-orang Islam, ketika beliau melawat Delhi. Katanya:

"Orang Islam mempunyai dasar perdirian yang tetap. Air mukanya kencang, bertawakal, sedar akan dirinya dan berani. Seluruh peribadinya lebih kuat daripada orang Hindu. Apakah yang membuatkan orang Muslim demikian? Agama Islam yang mengajarkan bahawa Tuhan adalah Esa, terhadap siapa-siapa, tiap-tiap manusia langsung bertangungjawab atas semua perbuatannya. Dan yang mesti ditaati seperti seorang soldadu mesti taat kepada panglimanya. Itulah yang menjadikan orang Islam kuat, tetap jiwanya dalam persaudaraan". Keterangan yang diperkatakan oleh Keyserling ini dengan jelas membayangkan bahawa orang-orang Islam dapat membentuk keamanan dunia ini dengan sebenar-benarnya. Toynbee dan Keyserling, kedua-duanya bangsa Barat yang telah sedar bahawa kemajuan Barat itu adalah dengan sebab adanya kebangkitan ilmu pengetahuan Islam.

Kalau orang Barat berlumba-lumba mempelajari teori-teori Charles Robert Darwin atau Freud ataupun Enstein, maka kita sebagai umat Islam akan lantas pula mempelajari al-Ghazālī, al-Fārābī dan lain-lainnya, yang terdiri dari failasuf-failasuf Islam yang terkemuka. Failasuf-failsuf yang telah berkurun-kurun memberi jiwa kepada Barat, terutama Ibn Rushd dan Ibn Sīnā. Kita kembali belajar mengenal cara berfikirnya orang-orang Islam, bagaimana mendalamnya jiwa mereka dalam hal yang bersangkutan dengan *al-Qur'an* dan hadis. Itulah kedudukan umat Islam. Jatuhnya peradaban Barat, adalah berpunca dari tidak adanya perseimbangan tiap-tiap manusia di Barat tentang soal pelajaran. Mereka telah tersasul, sebagaimana kata failasuf Toynbee: Barat telah tersasul dengan tamadunnya hingga melahirkan perang dunia sebanyak dua kali!

Perlumbaan Kuasa-kuasa Barat dan Rusia

Tahukah kita bahawa yang dikatakan perlumbaan kuasa-kuasa Barat dan Russia dalam menguasai dunia dan luar dunia, adalah sebagai suatu kenyataan dari Tuhan. Kenyataan untuk membuktikan bahawa Allah akan memberi kepada mereka, kuasa-kuasa besar itu, untuk memperoleh bukti setakat mana keingkaran mereka terhadap Allah. Dan dalam keingkaran bangsa yang menyangka dirinya telah berkuasa

itu, dirobohkannyalah oleh Allah, sebagaimana keterangan *al-Qur'an,* dalam surah al-Isra' ayat 16. Bukti ini ternyata dengan maklumat yang telah dinyatakan oleh Rusia, melalui siaran radionya dalam sedikit masa yang lalu, mereka telah mencabar tuhan dengan mengatakan: Sekirannya tuhan itu ada, mengapa tidak dimatikan-Nya orang-orang yang tidak mempercayai adanya tuhan? Dan kalau sebenarnya Islam itu benar, mengapa kedudukan Islam lebih terkebawah dari Rusia? Lebih jelas dan tegas lagi melalui siaran radionya itu mereka dengan bangga berkata: Orang-orang Islam mengatakan manusia ini tidak berkuasa untuk melihat dunia luar (yakni dunia lain dari bumi), mangapa roket Rusia telah dapat sampai ke bulan?

Keterangan-keterangan ini membuktikan dengan jelasnya bahawa sebagai suatu bangsa yang telah mengingkari adanya Tuhan, malah memakai ukuran Ateis (tak ada tuhan), membuktikan bangsa itu akan hancur dalam masa yang tidak berapa lama. Sebab itu adalah kenyataan Tuhan sendiri dalam *al-Qur'an* yang suci.

Lalai itu punca yang menyebabkan bangsa itu hancur. Maka kenyataan ini bukanlah suatu kenyataan yang boleh kita sangkal dengan begitu sahaja. Tetapi adalah sebagai suatu peringatan yang amat baik untuk dimenungkan oleh kita. Kalau bangsa-bangsa yang besar berlumba-lumba mengejarkan material – sebagaimana adanya kaum yang menganut faham materialisme, maka kita tidaklah harus terbawa-bawa ke dalam soal yang demikian. Dan bangsa yang berfaham demikian itu dengan terus-terang tidak mengakui adanya tuhan. Dan bangsa inilah bakal dihancurkan oleh Allah pada suatu masa kelak.

Dalam suasana yang serba kecut seram dan serba moden kini, kita umat Islam tidaklah harus mati dalam kesengsaraan dan ketakutan. Sebab sebagai suatu bangsa yang beriman, berharap dan bertawakal (seperti yang dikatakan oleh Keyserling), tidaklah akan kecut menghadapi dunia yang mahu tenggelam. Sebab kebenaran itu tidaklah akan mati walaupun apa juga lawannya. Kebenaran tidak pernah membelakangkan orang yang memperjuangkannya.

Dunia yang maju dan mempunyai rekaan-rekaan yang aneh, tidaklah hairan bagi umat Islam. Allah tidak akan menghancurkan sesuatu umat manusia itu, melainkan akan diberinya segala kemewahan, kesenangan dan kerayaan yang penuh. Kalau kita menyiasat di dalam *al-Qur'an al-Karīm* akan kita temui beberapa banyak bangsa-bangsa yang telah dihancurkan oleh Allah oleh kerana tidak syukurnya menerima pemberian yang sepenuhnya dari Allah.

Tegaskanlah, kuatkanlah segala sendi persaudaraan umat Islam di tanah air demi untuk mewujudkan satu persatuan yang bulat dan teguh untuk membina sendi hidup yang kuat dan tegap di dunia. Kerana hanyalah cita-cita Islam yang ditunggu-tunggu oleh dunia untuk membawa dunia ini kepada sejahtera damai dan makmur sepanjang masa. Islam yang pernah dikatakan oleh failasuf Inggeris Arnold Toynbee sebagai satu tamadun atau peradaban yang konkrit jalannya sepanjang zaman. Dan tangan Islam inilah yang akan membawa setiap negara itu menuju *Rabbun ghafūr.*